



## **KEWANGAN**

## Kerjaya Prospek peroleh kontrak RM51.03 juta

KUALA LUMPUR - Kerjaya Prospek Group Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd menerima kontrak daripada Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) untuk menyiapkan kerja tanah dan cerucuk bagi cadangan membina pangsapuri perkhidmatan di Pulau Pinang bernilai RM51.03 juta.

Menurut Kerjaya Prospek, kontrak merangkumi pelaksanaan dan penyiapan sistem cerucuk asas serta penutup cerucuk, pembinaan ruang bawah tanah dan dua tingkat aras bawah serta semua tapak berkaitan dan kerja tanah bagi cadangan projek pangsapuri perkhidmatan di Bandar Tanjung Pinang, Pulau Andaman.

"Kontrak bermula pada 1 April ini dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan," kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Isnin. - *Bernama* 

Sinar Harian 11 March 2025